

**PERANAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
SELANGOR DALAM PEMBANGUNAN INSAN
DI NEGERI SELANGOR**

Zulkefli Aini
Abdul Halim Syihab
Hamidun Mohammad Husin
Sahlawati Abu Bakar
Rabi'ah Muhammad Serji
Mohamad Nazri bin Kamarozzaman
Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRACT

This research aimed to evaluate the role of KUIS and its contributions to human development in the Selangor State. Education is one of the strategies in the realization of human development program. The process of human capital development ought to begin with the strengthening of religious foundation which then followed by the process of knowledge enquiry. As a matter of fact this will enable the realization of good human capital whom is sturdy in terms of faith, belief and practice. Therefore, the experience gained by students during their study in KUIS especially in terms of its curriculum, study system and employers' perception are crucial in evaluating the role of KUIS in this context. Research instrument used is questionnaire which is divided into three categories which are Akademi Islam Alumni survey, KUIS survey and employer survey. To test the validity and credibility of the questionnaire, a pilot test was conducted on 30 KUIS Alumni members and five employers. The initial level of the survey involved 264 Akademi Islam Alumni whom graduated between 2004 to 2010 and 20 employers in Selangor State. The data was analyzed using the SPSS program and the research findings were divided into two sections which are the Alumni and employers findings. Alumni research findings were further divided into three sections which comprises of study experience, the effectiveness of the study system and suggestions as well as perception by alumni who is working. Meanwhile, findings for employers centered on employers' evaluation towards the quality of KUIS alumni.

KATA KUNCI:*Pembangunan Insan, Kurikulum, Alumni, Modal Insan.*

PENDAHULUAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai sebuah IPTS Islam yang merupakan anak syarikat MAIS dengan mendokong falsafah yang menekankan keseimbangan duniawi dan ukhrawi. Kesepaduan antara ilmu, iman dan amal menjadi dasar ke arah melahirkan insan yang bertakwa dan berketrampilan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. KUIS juga bertekad untuk membentuk dan mendidik generasi ummah agar menjadi insan soleh melalui dasar pendidikan yang berteraskan ilmu *naqli* (revealed knowledge) dan ilmu *'aqli* (acquired knowledge) yang berpaksikan tauhid untuk melahirkan generasi profesional yang seimbang bagi menghadapi cabaran zaman.

1. PENYATAAN MASALAH

KUIS berperanan menjadi institusi pengajian tinggi berteraskan Islam di Selangor. Bermula dengan hanya 60 orang pelajar, kini KUIS mempunyai sekitar 7000 pelajar dari seluruh Malaysia dan antarabangsa. Keberadaan KUIS yang diasaskan pada tahun 1995 telah memberikan impak jelas dalam sistem pendidikan di negeri Selangor. 15 tahun perjalanan KUIS telah merekodkan pelbagai kondisi sebagaimana lazimnya institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Keberkesanan KUIS sebagai institusi pendidikan Islam berkait rapat dengan pelbagai aspek seperti: profesionalisme staf akademik dan pentadbiran, kurikulum, ketepatan objektif, tujuan dan maklum balas dari para pelanggan. Pengurusan KUIS harus mengikuti arah tuju pihak Lembaga Pengarah demi memastikan kelangsungan perjalanan institusi ini dan pada masa yang sama diwajibkan melayani kehendak para pelanggan dengan memastikan kelancaran proses P&P. KUIS pula harus selalu mengadakan langkah proaktif akademik demi memastikan sistem yang diterapkan di KUIS adalah selaras dengan tuntutan pasaran demi melahirkan graduan yang dapat bersaing di lapangan. Untuk

itulah perlunya diadakan penelitian secara berterusan untuk mengetahui posisi dan tahap keberhasilan para graduan KUIS.

Dunia kerjaya yang mencabar seiring dengan bertambahnya hari maka bertambah pula tingkat persaingannya. Graduan KUIS perlu bersaing dengan graduan dari universiti lain dalam dunia tersebut. Para graduan KUIS telah terlibat secara aktif dalam dunia kerjaya di pelbagai bidang di seluruh negeri dan antarabangsa. Kajian perlu dibuat untuk melihat sejauh mana tahap keberhasilan mereka di dunia kerjaya dan peranan serta sumbangan mereka terhadap pembangunan negeri Selangor. Prestasi para graduan tersebut akan dikaji berdasarkan penilaian dari majikan untuk mengetahui tahap keberkesanan pendidikan mereka selama di KUIS. Akhirnya, kajian akan dapat mengetahui jenis-jenis kerjaya yang telah berhasil diceburi oleh para graduan KUIS.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk memberikan tumpuan kepada “Peranan KUIS Dalam Pembangunan Insan Di Negeri Selangor”. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui posisi graduan KUIS dalam dunia kerjaya dan tahap keberhasilan mereka dalam bidang tersebut serta keberkesanan pendidikan KUIS dalam kerjaya mereka.

2. OBJEKTIF

- a. Mengkaji peranan alumni KUIS dalam pembangunan insan di negeri Selangor.
- b. Mengkaji sumbangan alumni KUIS dalam pembangunan insan di Selangor.
- c. Mengkaji penerimaan pasaran terhadap alumni KUIS.
- d. Mengkaji prestasi alumni KUIS dalam dunia kerjaya di Selangor.
- e. Memberi cadangan terhadap penambahbaikan kurikulum pengajian di KUIS.

3. PERSOALAN KAJIAN

- a. Sejauh mana alumni KUIS berperanan dalam pembangunan insan di negeri Selangor?
- b. Sejauh mana alumni KUIS menyumbang secara positif dalam pembangunan insan di Selangor?
- c. Bagaimanakah penerimaan pasaran terhadap alumni KUIS?
- d. Apakah prestasi alumni KUIS dalam dunia kerjaya di Selangor?

4. KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian yang akan diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas kepada KUIS. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak KUIS boleh menilai dan menyemak semula kurikulum pengajian Islam dan komponen-komponen mata pelajaran agar memantapkan program sedia ada. Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, pihak KUIS boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan serta boleh memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan yang telah wujud ke arah melahirkan graduan yang kompetitif dan menjadi salah sebuah IPT yang prominen.

5. BATASAN KAJIAN

- a. Penyelidikan tertumpu hanya kepada alumni Akademi Islam (tahun 2004-2010).
- b. Penyelidikan tertumpu kepada alumni yang telah mengikuti program-program di peringkat Diploma Pengajian Islam dan Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-undang sahaja.
- c. Penyelidikan hanya tertumpu kepada alumni yang bekerja dan menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
- d. Penyelidikan menumpukan pembangunan insan daripada sudut fizikal (ekonomi dan kerjaya), sosial, kerohanian dan pemikiran (intelektual).

6. METODOLOGI KAJIAN

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah satu tinjauan yang bertujuan untuk mengkaji peranan dan sumbangan alumni KUIS dalam pembangunan insan di Selangor. Adalah diharapkan, kajian ini juga akan dapat menghasilkan satu dapatan yang lengkap tentang prestasi alumni KUIS dalam pasaran yang boleh menyumbang dalam pembangunan insan di Selangor.

6.2 Instrumen Kajian

Instrumen yang akan dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini borang soal selidik.

Sebelum menjalankan penyelidikan sebenar, kesemua instrumen diuji (pilot study) kepada 30 orang alumni KUIS dan lima orang majikan. Untuk tujuan penyelidikan ini, responden dalam ujian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sample kajian yang sebenar. Kajian rintis adalah satu usaha untuk meningkat dan memastikan bahawa instrumen-instrumen yang akan digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Adalah dijangkakan responden hanya mengambil masa 20-30 minit untuk menjawab borang soal selidik yang diberikan.

6.3 Kaedah Persampelan

Untuk instrumen soal selidik, kajian ini dijangkakan melibatkan responden berikut Alumni KUIS seramai 264 orang dan Majikan seramai 20 orang.

7. DAPATAN KAJIAN

7.1. Dapatan Alumni

7.1.1. Pengalaman Semasa Mengikuti Pengajian Di KUIS

Jadual 1: Kurikulum (Kandungan Program Pengajian Secara Keseluruhan)

	1	2	3	4	5	JUM (%)
a) Kesesuaian kandungan pengajian	1.9	0.8	13.6	45.8	37.9	100
b) Imbangan komponen teori dan amali/aplikasi/ klinikal	0.8	1.1	23.1	45.5	29.5	100
c) Program latihan industri	1.9	3	24.3	40.7	30	99.9
d) Mata pelajaran Wajib Kokurikulum	1.9	3.8	17	45.5	31.8	100
e) Mata pelajaran wajib universiti/institusi	0.8	0.8	15.5	48.5	34.5	100
f) Kepelbagaian mata pelajaran kokurikulum yang ditawarkan	0.8	3	19	43	34.2	100
g) Menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan	0.8	2.3	17.4	44.3	35.2	100
JUMLAH	8.9	14.8	129.9	313.3	233.1	700
PURATA	1.3	2.1	18.5	44.7	33.3	100

Skala :Amat tidak memuaskan 1 2 3 4 5 Amat memuaskan

Terdapat 6 item dalam bahagian pengalaman semasa mengikuti pengajian di KUIS iaitu kurikulum, sistem penilaian, kerjaya, tenaga pengajar, kemudahan prasarana dan kemudahan dan pengetahuan yang diperolehi dari pengajian. Bagi item kurikulum secara keseluruhan responden berpuashati dengan kandungan kurikulum pengajian dengan peratus tertinggi pada mata pelajaran wajib universiti sebanyak 48.5%. Penggubalan kurikulum mengikut bidang dan tahap yang bersesuaian dengan pelajar.

7.1.2 Sistem Penilaian

Jadual 2 : Sistem Penilaian

	1	2	3	4	5	JUM(%)
a) Mantap (telus, adil dan mudah difahami)	1.1	1.1	22.3	50.4	25	99.9
b) Pemarkahan Kerja Kursus (Tugasan Ujian/Amali Dan lain-lain)	0.8	1.1	18.2	50.8	29.2	100.1
c) Pemarkahan peperiksaan	0.4	1.1	16.3	49.6	32.6	100
JUMLAH	2.3	3.3	56.8	150.8	86.8	300
PURATA	0.76	1.1	18.9	50.3	28.9	100

Skala : Amat tidak memuaskan 1 2 3 4 5 Amat memuaskan

Bagi sistem penilaian pula secara keseluruhan peratusan tertinggi adalah pada pemarkahan kerja kursus 50.8% yang mana responden berpuas hati dengan sistem pemarkahan kerja kursus yang dibuat oleh tenaga pengajar secara telus dan mudah difahami yang menyumbang peratusan kedua tertinggi.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pengalaman semasa mengikuti pengajian di KUIS yang merangkumi aspek kurikulum dan sistem penilaian mempunyai kaitan dengan pembangunan insan graduan. Ia melalui semua item yang terkandung di dalam jadual 1 yang berkait rapat dengan pembentukan kurikulum yang mempunyai sistem penilaian yang telus. Graduan yang menamatkan program yang dibentuk dengan baik akan memberi impak yang positif terhadap keinsanan mereka.

7.1.3. Kerjaya

Jadual 3 : Kerjaya

	1	2	3	4	5	JUM(%)
a) Maklumat mengenai peluang pekerjaan & kerjaya	0.4	1.9	23.7	48.1	26	100.1
b) Bantuan dalam kemahiran menghadiri temuduga	0.8	3.1	32.1	41.2	22.9	100.1
c) Bantuan dalam penyediaan memohon pekerjaan (resume, surat permohonan dll)	0.4	4.2	27.9	45	22.5	100
d) Bantuan dalam mendapatkan pekerjaan	0.8	9.2	26.7	43.9	19.5	100.1
e) Peluang pekerjaan dalam kampus	1.9	6.9	29	40.2	21.1	99.1
f) Proses pengambilan pekerja dalam kampus oleh majikan	1.9	7.3	28.8	41.2	20.8	100
JUMLAH	7	36.4	190	307.1	158.9	699.4
PURATA	1	5.2	27.1	43.8	22.7	99.9

Skala :Amat tidak memuaskan 1 2 3 4 5 Amat memuaskan

Secara keseluruhan, 66.5% responden berpendapat maklumat berkaitan kerjaya adalah pada tahap memuaskan, 27.1% berpendapat ianya pada tahap sederhana manakala 6.2% berpendapat ianya tidak memuaskan. KUIS mempunyai Unit Rundingcara dan Kerjaya yang membantu pelajar dalam memberikan maklumat dan peluang pekerjaan.

7.1.4. Tenaga Pengajar (Pensyarah/Penyelia/Mentor)

Jadual 4 : Tenaga Pengajar (Pensyarah/ Penyelia/ Mentor)

	1	2	3	4	5	JUM (%)
a) Berpengetahuan teori dan praktikal yang seimbang	0.8	0	8	47.7	43.5	100
b) Interaksi dengan pelajar	0.4	0.8	12.2	44.7	42	100.1
c) Inovatif dan kreatif dalam pengajaran/penyeliaan	0.8	0.4	12.3	46.4	40.2	100.1

	1	2	3	4	5	JUM (%)
d) Keupayaan menghubungkan kaitkan pengajaran dengan amalan terkini industri	0.8	1.5	13.8	42.5	41.4	100
e) Pendedahan kepada pelajar tentang pengetahuan terkini dalam bidang pengajian	0.8	1.5	11.5	45.6	40.6	100
f) Penyampaian kuliah dan kualiti pengajaran	0.4	0.8	13	45.2	40.6	100
g) Kelayakan	0.4	0.4	10.7	43.9	44.7	100.1
h) Kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu	0.4	0	12.2	35.9	51.5	100
i) Kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Arab	0.4	1.9	11.1	39.7	46.9	100
JUMLAH	5.2	7.3	104.8	391.6	391.4	900.3
PURATA	0.57	0.81	11.6	43.5	43.4	100

Skala : Amat tidak memuaskan 1 2 3 4 5 Amat memuaskan

Pada kategori tenaga pengajar, terdapat 9 item untuk menilai tahap kepuasan graduan. Hasil kajian mendapati bahawa untuk keseluruhan item tahap “amat memuaskan” dan “memuaskan” mencapai lebih dari 80% di setiap sub-kategori secara keseluruhan. Sedangkan pada tahap “amat tidak memuaskan” dan “tidak memuaskan” secara keseluruhan tidak melebihi 1% atau tidak melebihi 2 orang saja. Pada item “kemahiran berbahasa Melayu” jumlah peratusan “amat memuaskan” melebihi 50% dan item “kemahiran berbahasa Arab” juga hampir mencapai 50% pada tahap yang sama. Ini menunjukkan kepuasan para graduan terhadap tenaga pengajar adalah tinggi dan mereka merasakan ilmu yang diberikan oleh tenaga pengajar berjaya memberikan kontribusi positif dalam kerjaya mereka.

7.1.5 Kemudahan / Pengetahuan Yang Diperolehi Dari Pengajian

Jadual 5 : Kemudahan / Pengetahuan Yang Diperolehi Dari Pengajian

	1	2	3	4	5	JUM (%)
a) Kemahiran penggunaan ICT secara umum	0.8	5	24.8	46.9	22.5	100
b) Kemahiran berbahasa Melayu	0.4	1.1	15.6	42.7	40.1	99.9
c) Kemahiran berbahasa Inggeris	1.1	3.8	31.7	45.8	17.6	100
d) Kemahiran berbahasa Arab	0.8	3.1	30.5	49.2	16.4	100
e) Kemahiran komunikasi interpersonal	1.1	3.1	24.8	45.8	25.2	100
f) Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif	0.4	1.9	25.2	45	27.5	100
g) Kemahiran menyelesaikan masalah	0.4	1.5	25.6	47.3	25.2	100
h) Kemahiran analitikal/menganalisis	0.4	1.5	26.3	45.8	26	100
i) Bekerja secara kumpulan	0.8	2.3	21	43.5	32.4	100
j) Penerapan dan pengamalan nilai-nilai Islam	0.4	0.8	17.6	44.3	37	100.1
k) Pendedahan kepada pengetahuan am dan isu semasa	0.4	1.5	18.7	45.8	33.6	100
JUMLAH	7	25.6	261.8	502.1	303.5	1100
PURATA	0.64	2.32	23.8	45.6	27.6	100

Skala :Amat tidak memuaskan 1 2 3 4 5 Amat memuaskan

Kemahiran berbahasa Arab mendapat kecenderungan yang tinggi dari aspek kepuasan pelajar manakala kemahiran berbahasa Melayu mendapat kecenderungan yang terendah. Ini menunjukkan para graduan berpuas hati dengan tahap pengetahuan yang diperolehi oleh kerana hampir keseluruhan mata pelajaran yang diajar menggunakan Bahasa Arab sebagai medium pengantar.

7.1.6 Keberkesanan Sistem Pengajian Dan Cadangan Penambahbaikan

Jadual 6 : Perspektif Alumni Akademi Islam Mengenai Keberkesanan Sistem Pengajian Dan Cadangan Penambahbaikan

	1	2	3	4	5	JUM (%)
a) Membina keyakinan diri	1.1	1.5	18.9	48.1	30.3	99.9
b) Meningkatkan kematangan diri	1.1	0.8	14	51.9	32.2	100
c) Membentuk jati diri	0.4	1.1	17	48.9	32.6	100
d) Menjadi lebih berpengetahuan	0.4	0.8	12.1	50.8	36	100.1
e) Mendekatkan diri kepada Allah	0.4	0.8	12.5	35.6	50.8	100.1
f) Meningkatkan minat untuk terus belajar	0.4	1.1	12.9	41.7	43.9	100
g) Lebih peka dengan perkembangan semasa	0.4	1.1	17	42.8	38.7	100
h) Mampu untuk berdikari	0.8	0.8	14.8	44.1	39.5	100
i) Mampu berfikir secara kritis dan kreatif	0.4	1.5	17.8	46.2	34.1	100
j) Lebih bersedia menghadapi dunia luar dan pekerjaan	0.4	2.3	21.7	40.3	35.4	100.1
k) Boleh menyelesaikan masalah dan membuat keputusan	0.8	1.1	16.7	45.5	36	100.1
l) Boleh bekerja berpasukan	0.4	1.5	17	40.5	40.5	99.9
m) Boleh berkomunikasi dengan berkesan	0.8	0.4	21.7	41.1	36.1	100.1
JUMLAH	7.8	14.8	214.1	577.5	486.1	1300.3
PURATA	0.6	1.1	16.4	44.4	37.3	100

Skala : Sangat tidak mempengaruhi 1 2 3 4 5 Sangat mempengaruhi

Bagi Keberkesanan Sistem Pengajian Dan Cadangan Penambahbaikan secara keseluruhan, 81.7% responden bersetuju bahawa pendidikan di KUIS mempengaruhi (44.4%) dan sangat mempengaruhi (37.3%) kehidupan mereka, 16.4% berpendapat ianya sederhana manakala hanya 1.1% berpendapat ianya tidak

mempengaruhi mereka. Mendekatkan diri kepada Allah mendapat peratusan paling tinggi dari aspek pengaruh pendidikan di KUIS terhadap kehidupan responden. Ini menunjukkan KUIS amat memberi penekanan terhadap unsur-unsur spiritual dalam melahirkan modal insan yang sempurna duniawi dan ukhrawi.

7.1.7. Persepsi Alumni Terhadap KUIS

Jadual 7 : Persepsi Alumni Terhadap KUIS

	1	2	3	4	5	JUM (%)
a) Reputasi sebagai pembekal pendidikan berkualiti	0	1.9	20.5	49.6	28	100
b) Reputasi sebagai institusi akademik cemerlang	0.4	1.5	17	51.9	29.2	100
c) Reputasi sebagai institusi pendidikan Islam	0.4	0	13.3	48.5	37.9	100.1
d) Persepsi secara umum	0.4	1.1	22	47.7	28.8	100
JUMLAH	1.2	4.5	72.8	197.7	123.9	400.1
PURATA	0.3	1.1	18.2	49.4	30.9	100

Skala : Sangat tidak cemerlang 1 2 3 4 5 Sangat cemerlang

Pada kategori persepsi responden terhadap KUIS, terdapat 4 item yang menitikberatkan penilaian reputasi KUIS sebagai institusi pengajian tinggi. Hampir 50% responden memberikan penilaian ditahap “cemerlang”, purata 30% ditahap “amat cemerlang” manakala purata tahap “tidak cemerlang” adalah tidak melebihi 1%. Hal ini menandakan kepuasan pelajar terhadap jenama KUIS adalah amat tinggi. Peratusan yang tinggi ditahap cemerlang berkait rapat dengan item yang telah dibincangkan seperti tenaga pengajar (jadual 4), kemudahan (jadual 5) dan keberkesanan sistem pengajian (jadual 6).

7.1.8 Cadangan Baiki Kualiti Program

Jadual 8: Cadangan Baiki Kualiti Program

	Ya	Tidak
a) Mewajibkan latihan industri/praktikal bagi setiap program	80.2	19.8
b) Memantapkan teknik pengajaran & pembelajaran (p & p)	74.1	25.9
c) Fokus penggunaan bahasa inggeris & Bahasa Arab dalam p & p	79.5	20.5
d) Pendedahan kepada prospek kerjaya di dalam kuliah/amali	76.4	23.6
E) Keusahawanan Dalam Pengajian	54	46
JUMLAH	364.2	135.8
PURATA	72.84	27.16

Responden banyak memberikan cadangan supaya mewajibkan latihan industri atau praktikal bagi setiap program. Hal ini mungkin disebabkan mereka mahu lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan. Secara umumnya, kebanyakan program di peringkat diploma yang ditawarkan tidak mewajibkan latihan industri namun program di peringkat sarjana muda telah mewajibkan pelajar menjalani latihan praktikal selama dua bulan mengikut kesesuaian bidang pengajian. Penggunaan bahasa Inggeris dan Arab juga dicadangkan agar diberi penekanan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

Jadual 9: Pendapat Alumni Mengenai Aspek Baru Yang Perlu Diberi Penekanan Dalam Program Pengajian

	Ya	Tidak
i. Praktikal/latihan industri	76.8	23.2
ii. Mengemaskini kandungan silibus	71.9	28.1
iii. Isu-isu semasa	73.4	26.6
iv. Kerjasama dengan pihak luar/industri	73.8	26.2
v. Kemahiran ICT	66.2	33.8
vi. Tugas luar	52.7	47.3
vii. Pendedahan kepada dunia kerjaya	65.3	34.7
viii. Komunikasi/pengurusan diri	57	43
JUMLAH	537.1	262.9
PURATA	67.1375	32.8625

7.1.9. Aspek Baru Yang Perlu Diberi Penekanan Dalam Program Pengajian

Sebanyak 67.1% responden bersetuju dengan menjawab Ya bahawa kesemua lapan item yang dikemukakan perlu diberi penekanan dalam program pengajian dan baki 32.8% menjawab Tidak. Kebanyakan responden berpendapat bahawa praktikal dan latihan industri perlu diberi penekanan dalam program pengajian.

7.1.10. Cadangan Alumni Untuk Melahirkan Graduan Yang Berketrampilan Dan Lebih Mudah Mendapat Pekerjaan

Jadual 10: Cadangan Alumni Untuk Melahirkan Graduan Yang Berketrampilan Dan Lebih Mudah Mendapat Pekerjaan

	<i>Ya</i>	<i>Tidak</i>
i. Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Dan Perhubungan Awam	86.9	13.1
ii. Mewajibkan Latihan Praktikal Bagi Memberi Pendedahan Mengenai Dunia Kerjaya Yang Sebenar	77.1	22.9
iii. Kemahiran Berbahasa Inggeris	80.9	19.1
iv. Meningkatkan Pengetahuan Dalam Teknologi Terkini Dan ICT	74.8	25.2
v. Peka Terhadap Perkembangan Semasa Dan Isu-Isu Terkini	67.4	32.6
vi. Aktif/Menyertai Aktiviti Kokurikulum	60.3	39.7
JUMLAH	447.4	152.6
PURATA	74.5	25.4

Pada kategori ini, responden diminta menanda satu atau lebih cadangan untuk melahirkan graduan yang berketrampilan dan mudah mendapat pekerjaan. Terdapat 6 pilihan cadangan untuk dipilih dan satu cadangan bebas. Lebih 60% responden meyakini bahawa setiap cadangan adalah sesuai. Cadangan “meningkatkan kemahiran komunikasi dan perhubungan awam” mendapat peratusan tertinggi iaitu 86.9% manakala cadangan “aktif/menyertai aktiviti kokurikulum” mendapat peratusan terendah iaitu 60.3%.

7.1.11 Penilaian Alumni Terhadap Keupayaan Dan Kemampuan Dirinya Dalam Melaksanakan Pekerjaan

Jadual 11: Penilaian Alumni Terhadap Keupayaan Dan Kemampuan Diri Mereka Dalam Melaksanakan Pekerjaan

	1	2	3	4	5	JUM (%)
a. Kemampuan menyesuaikan diri di tempat kerja	0	0.9	7.5	53.8	37.7	99.9
b. Kebolehan menyelesaikan masalah & membuat keputusan	0	0	15.1	48.1	36.8	100
c. Keyakinan menyelesaikan masalah	0	0.9	11.3	43.4	44.3	99.9
d. Kebolehan bekerja secara berpasukan	0	0.9	6.6	44.3	48.1	99.9
e. Kemahiran berkomunikasi	1	0	12.4	42.9	43.8	100.1
f.i. Pertuturan B. Melayu	0	0.9	5.7	26.4	67	100
f.ii. Penulisan B. Melayu	0	0	6.6	27.4	66	100
g.i. Pertuturan B. Inggeris	0.9	0.9	38.7	40.6	18.9	100
g.ii. Penulisan B. Inggeris	1	1.9	37.1	41	19	100
h.i. Pertuturan B. Arab	1.9	3.8	32.1	40.6	21.7	100.1
h.ii. Penulisan B. Arab	0.9	5.7	32.1	39.6	21.7	100
i. Penggunaan ICT dalam pekerjaan	0	2.8	10.4	50.9	35.8	99.9
j. Keupayaan mengaplikasi ICT dalam pekerjaan	0	1.9	9.4	50	38.7	100
JUMLAH	4.7	18.7	187.9	508	480.5	1199.8
PURATA	0.39	1.5	15.6	42.3	40	99.9

Skala : 1 – Amat Rendah 2 – Rendah 3 – Sederhana 4–Tinggi
5 - Amat Tinggi

Penilaian alumni terhadap keupayaan dan kemampuan dirinya dalam melaksanakan pekerjaan secara keseluruhan responden amat berkeyakinan dalam pelaksanaan tugas mereka. Keyakinan sederhana agak tinggi adalah dalam keupayaan berbahasa Arab dan bahasa Inggeris. Agak menarik kerana peratus keyakinan berbahasa Arab lebih tinggi berbanding keyakinan mereka dalam Bahasa Inggeris. 15.1 %

menyatakan kebolehan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan mereka adalah pada tahap sederhana.

Secara keseluruhan responden dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan dan melaksanakan tugas dengan peratusan sebanyak 75%. Namun peratusan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris juga tinggi yang menunjukkan pelajar mampu berkomunikasi dengan baik dalam bidang pekerjaan yang diceburi.

7.2 Dapatan Majikan

7.2.1 Status Organisasi/ Institusi

Jadual 12: Status Organisasi/ Institusi

<i>Status</i>	<i>Purata</i>
Agensi Kerajaan	45.2
Organisasi/institusi Persendirian	22.6
Organisasi/institusi Multinasional	3.2
Badan Berkanun	12.9
NGO	6.5
Lain-lain	9.7
Jumlah	100.1

7.2.2 Latar Belakang Industri

Jadual 13: Latar Belakang Industri

	<i>Purata</i>
Pendidikan	32.3
Guaman	22.6
Perkhidmatan	45.2
Kewangan/Perbankan	0
Pembuatan/Pembinaan	0
Jumlah	100.1

7.2.3 Jawatan Alumni AI KUIS

Jadual 14 : Jawatan Alumni AI KUIS

<i>Jawatan</i>	<i>Purata</i>
Kakitangan Sokongan	77.4
Pegawai	16.1
Pengurus	3.2
Pengurusan Tertinggi	3.2
Jumlah	99.9

Jadual 12, 13 dan 14 menggambarkan bahawa graduan KUIS diterima dengan baik dalam aspek pembangunan sumber insan di Selangor.

7.2.4 Kepentingan Kriteria Dalam Pengambilan Alumni AI Sebagai Pekerja

Jadual 15 : Kepentingan Kriteria Dalam Pengambilan Alumni AI Sebagai Pekerja

	1	2	3	4	5	JUM(%)
A. Pengalaman kerja lalu	0	3.3	16.7	60	20	100
B. Skil/latihan khusus	0	0	13.3	50	36.7	100
C. Sarjana muda/diploma dalam bidang khusus.	0	0	12.9	45.2	41.9	100
D. Sahsiah terpuji penama	0	0	0	45.2	54.8	100
E. Alumni KUIS.	0	9.7	12.9	35.5	41.9	100
JUMLAH	0	13	55.8	235.9	195.3	500
PURATA	0	2.6	11.2	47.2	39.0	100

- | | |
|--|------------------------------------|
| 1- Sangat Tidak (Baik/ Bersetuju/ Penting) | 4- Baik/ Bersetuju/ Penting |
| 2- Kurang (Baik/ Bersetuju/ Penting) | 5- Amat (Baik/ Bersetuju/ Penting) |
| 3- Sederhana/ Neutral/ Pertengahan | |

Pada umumnya, para responden menyatakan bahawa setiap kriteria adalah penting dan perlu dipersiapkan untuk ada pada diri graduan. Purata tahap bersetuju dan amat bersetuju melebihi 80%. Bahkan

pada kriteria Alumni KUIS, purata 77.4% bersetuju bahawa jenama KUIS menjadi tolak ukur yang utama. Ini menandakan tahap kepuasan majikan terhadap alumni KUIS adalah tinggi. Pada masa yang sama, para responden meletakkan harapan tinggi akan perlunya setiap kriteria penilaian untuk berada pada diri setiap alumni.

7.2.5 Penilaian Majikan Terhadap Keilmuan Alumni AI Sejurus Dia Diambil Bekerja

Jadual 16 : Penilaian Majikan Terhadap Keilmuan Alumni AI Sejurus Dia Diambil Bekerja

	1	2	3	4	5	JUM(%)
A. Pengetahuan/keilmuan penama <u>di dalam</u> bidang pengajian islam secara umum.	0	0	6.5	35.5	58.1	100
B. Pengetahuan dalam bidang khusus pengajian	0	0	9.7	38.7	51.6	100
C. Pengetahuan/keilmuan penama <u>di luar</u> bidang pengajiannya.	0	0	25.8	64.5	9.7	100
D. Pengetahuan dalam bidang berkaitan pengajian	0	0	6.5	54.8	38.7	100
E. Pengetahuan ICT.	0	0	16.1	64.5	19.4	100
F. Pengetahuan dalam konteks berorganisasi (budaya & peraturan setempat)	0	0	19.4	58.1	22.6	100.
JUMLAH	0	0	84	316	200	600
PURATA	0	0	14	52.7	33.3	100

Pada umumnya, purata melebihi 85% diberikan untuk tahap baik dan amat baik. Tidak ada satupun yang memberikan penilaian ditahap kurang/sangat tidak baik. Aspek pengetahuan penama di dalam Bidang Pengajian Islam meraih tahap kepuasan yang tertinggi iaitu 93.6%. Dengan didapati bahawa para responden berpuas hati dengan dengan graduan KUIS ketika mereka di peringkat awal dalam dunia kerjaya. Dapatan menunjukkan bahawa kemampuan graduan KUIS adalah

mencukupi dan ilmu yang mereka dapat di KUIS mampu memberikan kesan positif dalam dunia kerjaya.

7.2.6. Penilaian Majikan Terhadap Skil Umum Penama Dalam Pelaksanaan Tugasnya

Jadual 17: Penilaian Majikan Terhadap Skil Umum Penama Dalam Pelaksanaan Tugasnya

	1	2	3	4	5	JUM(%)
A. Kepemimpinan.	0	0	6.5	58.1	35.5	100.1
B. Penyusunan maklumat dalam pembentangan	0	0	19.4	51.6	29	100
C. Kemampuan mendengar pandangan orang lain.	0	0	0	64.5	35.5	100
D. Teamwork (hubungan interpersonal)	0	0	0	54.8	45.2	100
E. Mesra pelanggan.	0	0	3.2	54.8	41.9	99.9
F. Komunikasi bertulis	0	0	12.9	58.1	29	100
G. Komunikasi lisan.	0	0	12.9	48.4	38.7	100
JUMLAH	0	0	54.9	390.3	254.8	700
PURATA	0	0	7.8	55.8	36.4	

Terdapat 7 skil umum penilaian diberikan kepada majikan dari sudut kemahiran graduan KUIS iaitu Kepemimpinan, Penyusunan Maklumat Dalam Pembentangan, Kemampuan Mendengar Pandangan Orang Lain, Team Work, Mesra Pelanggan, Komunikasi Bertulis Dan Komunikasi Lisan. Pada umumnya, purata 80% diberikan untuk tahap baik dan amat baik terhadap skil tersebut. Penilaian tidak/sangat tidak baik tidak didapati. Skil umum yang disebutkan adalah amat penting untuk membantu peningkatan karier penama dan penanda terhadap keberhasilan penama di dalam menjalankan tugasnya. Hasil penilaian para responden menunjukkan bahawa tahap kepuasan responden amat tinggi terhadap graduan KUIS.

7.2.7 Penilaian Majikan Terhadap Alumni AI

Jadual 18: Penilaian Majikan Terhadap Alumni AI Dalam Aspek

	1	2	3	4	5	JUM. (%)
A. Penyesuaian diri (tindakbalas terhadap perubahan).	0	0	12.9	61.3	25.8	100
B. Kreativiti (mengenalpasti pendekatan baru menyelesaikan masalah)	0	0	9.7	64.5	25.8	100
C. Kebolehpercayaan (boleh diharap untuk menyelesaikan tugas)	0	0	0	60	40	100
D. Integriti (mengamalkan prinsip etika dalam membuat keputusan).	0	0	3.2	64.5	32.3	100
E. Disiplin diri (mempamerkan kawalan perlakuan diri yang baik).	0	0	3.2	54.8	41.9	99.9
F. Sikap positif terhadap tugas.	0	0	3.2	41.9	54.8	99.9
G. Kesediaan untuk belajar	0	0	0	38.7	61.3	100
H. Pertanggungjawaban (atas sebarang tindakannya).	0	0	0	35.5	64.5	100
I. Menerima arahan (dari ketua)	0	0	9.7	16.1	74.2	100
JUMLAH	0	0	51.6	501.8	446.4	999.8
PURATA	0	0	5.16	50.18	44.64	99.98

Pada umumnya, purata 80% keatas diberikan untuk tahap baik dan amat baik terhadap skill umum penama. Ini menandakan tahap kepuasan majikan amat tinggi terhadap kepribadian alumni KUIS yang bekerja dengan mereka.

7.2.8 Kepentingan *Skill* Ikhtisas

Jadual 19 : Kepentingan *Skill* Ikhtisas

	1	2	3	4	5	JUM.(%)
A. Kefasihan berbahasa secara umum.	0	0	6.5	45.2	48.4	100.1
B. Pengurusan projek/tugasan/ organisasi	0	0	3.2	54.8	41.9	99.9
C. Kemahiran berunding.	0	0	9.7	45.2	45.2	100.1
D. Membimbing rakan sejawat.	0	0	16.1	51.6	32.3	100
E. Kemampuan meletak matlamat	0	0	16.1	64.5	19.4	100
F. Memperuntukkan masa mencapai matlamat	0	0	12.9	54.8	32.3	100
G. Kemampuan menterjemah teori kepada praktikal	0	0	16.1	61.3	22.6	100
JUMLAH	0	0	80.6	377.4	242.1	700.1
PURATA	0	0	11.5	53.9	34.58	100.01

Secara purata penilaian kepentingan skil ikhtisas bagi alumni AI menjalankan tugas adalah pada tahap yang tinggi iaitu 88.5% penting (53.9%) dan amat penting (34.5%). Kefasihan berbahasa, skil pengurusan projek dan kemahiran mendapat perhatian lebih tinggi di kalangan majikan berbanding skil lain. Namun skil lain tetap penting dengan tidak seorang pun majikan meletakkan kepentingannya pada tahap satu dan dua. 96.4% majikan menilai tahap kemahiran alumni KUIS secara keseluruhan pada tahap baik dan amat baik. 3.6% menilai tahap alumni KUIS pada tahap sederhana.

7.2.9 Skil Kemanusiaan Alumni AI

Jadual 20 : Skil Kemanusiaan Alumni AI

	1	2	3	4	5	JUM.(%)
A. Mudah bergaul	0	0	0	38.7	61.3	100
B. Bekerjasama dengan rakan sekerja	0	0	0	38.7	61.3	100
C. Kemampuan mendengar pandangan orang lain	0	0	0	38.7	61.3	100
D. Kemampuan menyatakan idea lisan secara perseorangan atau dalam kumpulan.	0	0	12.9	45.2	41.9	100

	1	2	3	4	5	JUM(%)
E. Sedia menurut norma/standard kumpulan.	0	0	0	58.1	41.9	100
F. Merasa seronok bekerja sebagai sebahagian dari kumpulan	0	0	6.5	48.4	45.2	100
G. Berlebih kurang (give & take) dalam kerja berkumpulan	0	0	9.7	64.5	25.8	100
H. Mendahulukan matlamat kumpulan berbanding matlamat peribadi.	0	0	9.7	54.8	35.5	100
I. Bersifat <i>empati</i> terhadap orang lain.	0	0	6.5	54.8	38.7	100
JUMLAH	0	0	45.3	441.9	412.9	900
PURATA	0	0	5.03	49.1	45.8	100.00

Skil kemanusiaan alumni AI juga dinilai amat baik oleh majikan dengan purata 94.9% menilainya pada tahap baik dan amat baik (masing-masing 49.1% dan 45.8%). Penilaian ini dapat dilihat khususnya pada kemahiran mudah bergaul, bekerjasama dengan rakan sekerja, kemampuan mendengar pandangan orang lain, dan kesediaan menurut norma/standard kumpulan. Tiga skil teratas A, B dan C menerima penilaian amat baik yang tinggi iaitu sebanyak 61.3%.

7.2.10 Kefasihan Berbahasa Dan *Skill* Literasi

Jadual 21: Kefasihan Berbahasa Dan *Skill* Literasi

	1	2	3	4	5	JUM(%)
A. Bahasa Malaysia.	0	0	0	29	71	100
B. Bahasa Inggeris.	0	6.5	51.6	38.7	3.2	100
C. Bahasa Arab.	0	9.7	45.2	41.9	3.2	100
D. Berkomunikasi dengan bahasa asing tanpa malu	0	6.5	54.8	29	9.7	100
E. Berkomunikasi dengan rakan sekerja dengan bahasa Inggeris.	9.7	16.1	38.7	35.5	0	100

	1	2	3	4	5	JUM(%)
F. Bercakap & menulis dengan jelas	0	0	9.7	51.6	38.7	100
G. Memahami dan bertanya soalan (untuk mendalami pandangan orang lain)	0	0	19.4	48.4	32.3	100.
H. Membuat dokumen (spt surat, arahan laporan, graf dsbg) dengan baik	0	0	3.2	67.7	29	99.9
JUMLAH	9.7	38.8	222.6	341.8	187.1	800
PURATA	1.2	4.8	27.8	42.7	23.4	100

Penilaian sederhana agak tinggi berbanding yang lain (12.9%) dicatat pada aspek kemampuan alumni AI menyatakan idea lisan secara perseorangan atau dalam kumpulan. Tiada penilaian skil kemanusiaan alumni berada pada paras kurang baik dan sangat tidak baik. *skill* Kefasihan dan *skill* literasi bahasa Inggeris, bahasa Arab, berkomunikasi dengan bahasa asing tanpa malu juga mencatat tahap sederhana yang tinggi (purata 45- 54%). Selain itu komunikasi dengan rakan sekerja dengan bahasa Inggeris juga mencatat penengah yang rendah dengan 25.8% mencatatkan tahap kefasihan & literasi kurang baik dan amat tidak baik (masing-masing 9.7% & 16.1%). Kemahiran bercakap dengan jelas, memahami & bertanya soalan dan membuat dokumen rata-rata mendapat penilaian tinggi di kalangan majikan.

**7.2.11 Penilaian Majikan Terhadap Tahap Kemahiran Alumni AI
Menyesuaikan Diri Dan Menyelesaikan Masalah**

**Jadual 22: Penilaian Majikan Terhadap Tahap Kemahiran Alumni
AI Menyesuaikan Diri Dan Menyelesaikan Masalah**

	1	2	3	4	5	JUM.(%)
A. Mampu mengenalpasti masalah.	0	3.2	3.2	71	22.6	100
B. Menyelesaikan masalah tanpa pertolongan orang lain	0	0	16.1	64.5	19.4	100
C. Mengumpul maklumat dalam mencari penyelesaian masalah	0	0	9.7	64.5	25.8	100
D. Memberi penyelesaian terbaik kepada masalah	0	3.2	6.5	67.7	22.6	100
E. Mencari alternatif lain untuk mencapai matlamat sesuatu tugas	0	0	6.5	61.3	32.3	100.1
F. Memantau perkembangan (dalam usaha yang berisiko) untuk mencapai matlamat	0	0	12.9	67.7	19.4	100
G. Mengenal pasti hasil negatif yang mungkin berlaku.	0	0	19.4	64.5	16.1	100
H. Sedia menghadapi risiko (yang munasabah) dalam tugas	0	3.2	6.5	77.4	12.9	100
I. Menerima tugas mencabar.	0	3.2	0	67.7	29	99.9
J. Mengambil inisiatif berubah bagi meningkatkan produktiviti	0	0	3.2	67.7	29	99.9
K. Mampu menyesuaikan diri dengan perubahan.	0	0	9.7	48.4	41.9	100
L. Kreatif dalam memberi cadangan demi meningkatkan hasil kerja	0	0	16.1	45.2	38.7	100
JUMLAH	0	12.8	109.8	767.6	309.7	1199.9
PURATA	0	1.0	9.15	63.9	25.8	99.99

Dalam kemahiran menyesuaikan diri & menyelesaikan masalah, umumnya majikan memberi penilaian yang baik. Namun antara item yang perlu mendapat penilaian sederhana berikut perlu diperhatikan

iaitu mengenal pasti hasil negatif yang mungkin berlaku (19.4%), menyelesaikan masalah tanpa pertolongan orang lain (16.1%), kreatif dalam memberi cadangan demi meningkatkan hasil kerja (19.1%) dan memantau perkembangan (dalam usaha yang berisiko) untuk mencapai matlamat (12.9%).

7.2.12 Penilaian Majikan Terhadap Skil Pengurusan Masa Dan Diri

Jadual 23: Penilaian Majikan Terhadap Skil Pengurusan Masa Dan Diri

	1	2	3	4	5	JUM(%)
A. Sampai ke tempat kerja pada masanya	0	3.2	6.5	29	61.3	100
B. Pembahagian masa yang efisien	0	0	9.7	51.6	38.7	100
C. Kemampuan menepati dateline	0	0	19.4	41.9	38.7	100
D. Menggunakan masa dan material sebaiknya untuk menfaat organisasi	0	0	12.9	41.9	45.2	100
E. Ketelitian dalam menyelesaikan tugas	0	0	6.5	45.2	48.4	100.1
F. Kemampuan mencapai standard dalam menyelesaikan masalah	0	0	16.1	45.2	38.7	100
G. Ketelitian dalam menyelesaikan tugas	0	0	22.6	35.5	41.9	100
JUMLAH	0	3.2	93.7	290.3	312.9	700.1
PURATA	0	0.4	13.3	41.4	44.7	100.01

Mengenai skil pengurusan masa & diri walaupun umumnya baik dengan lebih kurang 86% berpuashati tetapi terdapat beberapa yang harus diperhatikan. Antaranya tahap puashati sederhana majikan yang agak tinggi (sebanyak 13.3%) seharusnya dibimbangi. Ítem-ítem seperti ketelitian dalam menyelesaikan tugas (22.6%), kemampuan menepati dateline (19.4%), kemampuan mencapai standard dalam menyelesaikan masalah (16.1%) dan menggunakan masa dan material

sebaiknya untuk manfaat organisasi (12.9%) memerlukan perhatian serius. Dan yang mencatat ketidakpuasan majikan dan tentunya memerlukan perhatian (walaupun kecil peratusannya) adalah masalah sampai ke tempat kerja pada masanya.

7.2.13 Penilaian Majikan Terhadap Skil Kepimpinan Alumni AI

Jadual 24 : Penilaian Majikan Terhadap Skil Kepimpinan Alumni AI

<i>Penilaian Majikan Terhadap Skil Kepimpinan Alumni AI Dalam Aspek :</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>	<i>JUM (%)</i>
A. Memimpin	0	0	12.9	61.3	25.8	100
B. Memberi arahan/ tunjuk ajar kepada orang bawahan	0	0	12.9	54.8	32.3	100
C. Berkongsi tugas kepada rakan sekerja	0	3.2	3.2	48.4	45.2	100
D. Memotivasi orang lain mencapai matlamat	0	3.2	9.7	38.7	48.4	100
E. Merasai keputusasaan/ tanggungjawab terhadap satu- satu tugas	0	3.2	0	51.6	45.2	100
JUMLAH	0	9.6	38.7	254.8	196.9	500
PURATA	0	1.92	7.74	50.96	39.4	100

Dalam Skil Kepimpinan 13% responden menilai kebolehan alumni KUIS memimpin dan memberi arahan/tunjuk ajar kepada orang bawahan adalah sederhana. Segelintir 3.2% majikan menilai kemahiran kepimpinan alumni KUIS sebagai kurang baik dalam aspek berkongsi tugas dengan rakan sekerja, memotivasi orang lain mencapai matlamat dan dalam merasai keputusasaan/ tanggungjawab terhadap satu-satu tugas. Hasil kajian yang mencapai tahap sederhana dan kurang baik disebabkan majikan menilai graduan KUIS masih memerlukan kemahiran kepimpinan dan bekerjasama dengan rakan sekerja. Para graduan yang kurang mahir dalam skil kepimpinan berkait

rapat dengan faktor keterlibatan mereka dengan aktiviti kokurikulum atau persatuan di universiti. Kemahiran kepimpinan dan bekerjasama dengan rakan dapat diperolehi sekiranya mereka aktif di dalam persatuan dan aktiviti kemasyarakatan.

7.2.14 Pandangan Majikan Terhadap Pengamalan Keagamaan Alumni AI

Jadual 25 : Pandangan Majikan Terhadap Pengamalan Keagamaan Alumni AI

	1	2	3	4	5	JUM (%)
A. Menjaga batas aurat	0	0	0	25.8	74.2	100
B. Menjaga solat lima waktu	0	0	0	32.3	67.7	100
C. Solat berjemaah	0	6.5	9.7	41.9	41.9	100
D. Menjaga batas pergaulan jantina	0	0	3.2	32.3	64.5	100
E. Menepati masa	0	0	6.5	29	64.5	100
F. Mengamalkan budi bahasa	0	0	6.5	25.8	67.7	100
G. Mengajak kepada kebaikan	0	0	6.5	32.3	61.3	100
H. Mengajak kepada kebaikan secara berhikmah	0	0	9.7	38.7	51.6	100
I. Praktik ikhlas diri (<i>sincerity</i>)	0	0	12.5	25	62.5	100
J. Menuruti saranan agama	0	0	6.5	29	64.5	100
JUMLAH	0	6.5	61.1	312.1	620.4	1000
PURATA	0	0.65	6.11	31.21	62.04	100

Secara keseluruhan pengamalan keagamaan alumni KUIS dinilai sangat memuaskan oleh majikan. Seseengahnya seperti penjagaan batas aurat dan penjagaan solat lima waktu penilaian amat memuaskan masing-masing mencapai mencapai 74.2% dan 67.7%. Usaha penambahbaikan mesti diberi tumpuan untuk mengurangkan tahap sederhana pada item-item yang berkenaan iaitu dalam soal menjaga batas pergaulan jantina, menepati masa, mengamalkan budi bahasa,

mengajak kepada kebaikan, mengajak kepada kebaikan secara berhikmah, praktis ikhlas diri, menuruti saranan agama. Amalan solat jemaah harus ditumpukan usaha penambahbaikan kerana menjadi satu-satunya item yang dikenalpasti kurang memuaskan hati majikan.

7.2.15 Penilaian Majikan Terhadap Alumni AI Sebagai Contoh Ikutan (*Qudwah Hasanah*)

Jadual 26 : Penilaian Majikan Terhadap Alumni AI Sebagai Contoh Ikutan (*Qudwah Hasanah*)

	1	2	3	4	5	JUM(%)
Alumni AI sebagai contoh ikutan (<i>qudwah hasanah</i>)	0	0	6.5	38.7	54.8	100
PURATA	0	0	6.5	38.7	54.8	100

Mengenai Alumni AI sebagai contoh ikutan, berita baiknya ialah tiada majikan berpendapat alumni KUIS tidak boleh dijadikan teladan. Walau bagaimanapun usaha mesti digablengkan untuk mengecilkan lagi bilangan respon neutral (3).

7.2.16 Peluang Alumni KUIS lain Diterima Di Organisasi Majikan

Jadual 27 : Peluang Alumni KUIS Lain Di Terima Di Organisasi Majikan

	10%	30%	50%	70%	90%	JUM (%)
Peratus peluang alumni kuis diterima di organisasi majikan	0	3.2	25.8	67.7	3.2	99.9
JUMLAH	0	3.2	25.8	67.7	3.2	99.9
PURATA	0	3.2	25.8	67.7	3.2	99.9

Peratus peluang Alumni KUIS lain diterima dalam organisasi majikan adalah pada tahap agak memuaskan. Walaupun tiada majikan

meletakkan peluang tersebut pada tahap paling rendah (10%), tetapi pandangan 25.8% majikan yang memberikan 50% peluang organisasinya mengambil alumni KUIS bekerja dapat dilihat agak tinggi.

8. RUMUSAN DAN CADANGAN

8.1 Rumusan

Kurikulum dan kaedah penilaian yang dilaksanakan di KUIS telah membuktikan ianya boleh diterima oleh pasaran dan melalui proses penyemakan secara berterusan bagi menambahbaik program sedia ada. Alumni KUIS berpuashati dengan kemahiran yang mereka perolehi semasa menuntut dan pengetahuan mengenai ilmu pengajian Islam.

Hasil responden majikan menunjukkan bahawa tahap kepuasan responden amat tinggi terhadap graduan KUIS daripada aspek keilmuan, keperibadian, skil umum, skil ikhtisas. Skor sederhana pada item kemahiran menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah serta kepimpinan perlu diberi perhatian kerana ini adalah aspek penting dalam menilai pekerja yang baik.

8.2 Cadangan

1. Menambah bilangan kepakaran dalam penggubalan kurikulum.
2. Menambah subjek-subjek yang melatih pelajar untuk berhadapan dengan dunia pekerjaan secara umum dan dunia kehidupan yang sebenar selepas bergraduan secara khusus.
3. Pengukuhan dalam penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam melahirkan graduan yang lebih kompetitif dan berdaya saing.
4. Melibatkan pelajar di dalam proses penggubalan kurikulum agar pendapat mereka boleh dijadikan sebagai pandangan sebenar daripada perspektif pelajar.

5. Melibatkan pihak industri dalam penggubalan kurikulum agar program yang dibina dapat memenuhi keperluan dan kehendak pasaran dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran akibat lambakan graduan yang tidak mendapat tempat kerana program pengajian yang diambil tidak relevan dengan kehendak pasaran.
6. Menambahkan program jati diri agar pelajar dilengkapi dengan pedoman hidup yang sempurna sebelum melangkah ke alam pekerjaan.
7. Mewajibkan program khidmat masyarakat (*down-to-earth*) kepada pelajar agar mereka dapat memahami keadaan hidup masyarakat dan berkongsi keperluan hidup seterusnya menyumbang tenaga dan fikiran bagi menyelesaikan permasalahan masyarakat sedia ada.
8. Menilai dan menyemak semula program yang tiada latihan praktikal supaya dapat diwujudkan bagi memastikan pelajar lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan.
9. Mewujudkan program *finishing school* yang bertujuan untuk mempersiapkan diri pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan seperti *personality grooming*, pemantapan rohani, penyediaan resume, menghadapi temuduga, pengucapan awam dan sebagainya.

9. PENUTUP

Alumni KUIS berperanan dalam pembangunan insan di negeri Selangor sebagai insan yang dilengkapi dengan ilmu dan akhlak serta pekerti yang mantap dan pekerja yang memberikan sumbangan yang komprehensif bagi meningkatkan produktiviti majikan. Mereka juga mampu menjadi teladan kepada rakan kerja yang lain daripada aspek ketaatan kepada perintah Allah dan etika bekerja yang baik.

Alumni KUIS memberi sumbangan dalam pembangunan insan di negeri Selangor dengan menambah produktiviti dan hasil kerja yang maksimum untuk keuntungan majikan dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan. Membangunkan pembentukan modal insan yang syumul dan menggembelng sepenuh tenaga dan fikiran untuk kejayaan negeri.

Bentuk-bentuk pembangunan insan yang disumbang oleh alumni KUIS di Selangor seperti mendidik masyarakat supaya menjadi insan yang sempurna daripada sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek, membangunkan program-program yang bersifat peduli masyarakat, melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian dan kemasyarakatan.

Penerimaan pasaran terhadap alumni KUIS adalah pada kadar yang tinggi iaitu melebihi 70%. Kajian mendapati prestasi alumni KUIS dalam dunia kerjaya di Selangor adalah di tahap memuaskan hasil respon majikan.

RUJUKAN

- Gurvinder Kaur Gurcharan Singh. (2008). *Malaysian Graduates' Employability Skills*. UTM
- Pusat Penyelidikan & Pembangunan KUIS. 2009. *Kehendak Industri Terhadap Graduan IPTA/IPTS*.
- Joan Kleinke. 2006. *2005 Noel Levitz Employer Satisfaction Survey Utah State University*.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Yahya Buntat dkk. 2001. *Kajian-kajian Berkaitan dengan Aspek-aspek Kemahiran Yang Diperlukan Oleh Para Majikan Industri*. Buletin Fakulti Pendidikan UTM Skudai. Dis. Bil.3